



**IKLAN JAWATAN KOSONG
PEGAWAI PENERANGAN GRED S41
MAJLIS SUKAN WILAYAH PERSEKUTUAN**

Warganegara Malaysia yang berkeelayakan adalah dipelawa untuk memohon jawatan **Pegawai Penerangan Gred S41** di Majlis Sukan Wilayah Persekutuan. Butiran perincian mengenai jawatan ini adalah seperti berikut:

1. Jawatan/ Kumpulan/ Skim Perkhidmatan

- (a) Jawatan : Pegawai Penerangan Gred S41
- (a) Kementerian/ Jabatan : Majlis Sukan Wilayah Persekutuan
- (b) Klasifikasi Perkhidmatan : Perkhidmatan Sosial
- (c) Kumpulan Perkhidmatan : Pengurusan dan Profesional
- (d) Kekosongan Jawatan : Satu (1) Kekosongan

2. Jadual Gaji Gred S41 : Minimum : RM 2,078.00
Maksimum : RM 9,544.00

3. Kenaikan Gaji Tahunan : RM 225.00

4. Taraf Jawatan : Kontrak

5. Tempoh Lantikan : 1 tahun

6. Syarat Lantikan

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

(a) Warganegara Malaysia;

(b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan

(c) (i) ijazah sarjana muda dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred S41: RM2,078.00);

atau

(ii) ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred S41: RM2,281.86);

atau

(iii) Ijazah Sarjana Muda Komunikasi Massa dengan kepujian yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred S41 : RM2,281.86);

atau

(iv) Ijazah Sarjana Muda Sains Kemasyarakatan dengan kepujian yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred S41 : RM2,281.86)

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

7. Ringkasan bidang tugas:

Bertanggungjawab menguruskan sidang akhbar, draf kenyataan akhbar, nota-nota taklimat dan maklumat, pengurusan penerbitan, pameran, laporan tahunan dan bertindak sebagai pegawai perhubungan awam di Majlis Sukan Wilayah Persekutuan.

8. Cara Memohon

- (a) Borang Permohonan boleh didapati daripada **Majlis Sukan Wilayah Persekutuan, Aras 2, Blok 1, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya** dengan memuat turun dari laman sesawang : <http://www.wipers.gov.my>
- (b) Permohonan hendaklah disertakan dengan sesalinan sijil kelayakan pendidikan, sesalinan Kad Pengenalan, sekeping gambar berukuran pasport dan sesalinan lain-lain sijil yang berkaitan.

9. Tarikh Tutup Permohonan

Semua permohonan (termasuk permohonan melalui pos) hendaklah diterima oleh Majlis Sukan Wilayah Persekutuan selewat-lewatnya pada **9 Mac 2018**. Permohonan yang diterima selepas tarikh tersebut tidak akan dipertimbangkan.

10. Alamat Penghantaran

Permohonan yang lengkap hendaklah dihantar ke alamat seperti di bawah:

**Pengarah
Majlis Sukan Wilayah Persekutuan
Aras 2, Blok 1, Menara Seri Wilayah
Presint 2, 62100 PUTRAJAYA**

- 11. Hanya pemohon yang layak dan melepasi tapisan akan dipanggil temu duga bagi jawatan ini.
- 12. Majlis Sukan Wilayah Persekutuan tidak akan bertanggungjawab ke atas semua perbelanjaan calon-calon yang akan menghadiri temu duga tersebut.
- 13. Hanya calon yang Berjaya dalam urusan temu duga akan dimaklumkan.